# FINJUVE FOR MEN 2.275 MG/ML CUTANEOUS SPRAY, SOLUTION

Finasteride (2.275g/mL)

**Apakah yang ada pada risalah ini**

1. Apakah kegunaan FINJUVE
2. Bagaimana FINJUVE berfungsi
3. Sebelum menggunakan FINJUVE
4. Cara menggunakan FINJVUE
5. Semasa menggunakan FINJUVE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan FINJUVE
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang
10. Tarikh kemas kini RiMUP

**Apakah kegunaan FINJUVE**

Finjuve mengandungi bahan aktif *finasteride*. Penggunaannya pada kulit kepala botak menggunakan aplikator semburan yang terdiri daripada botol dengan pam dan kon. Finjuve digunakan untuk rawatan keguguran rambut bercorak lelaki ringan hingga sederhana (juga dikenali sebagai *androgenetic alopecia*). Finjuve meningkatkan pertumbuhan rambut pada kulit kepala dan menghalang keguguran rambut pada lelaki. Finjuve hanya untuk kegunaan lelaki yang berumur dari 18 hingga 41 tahun.

**Bagaimana FINJUVE berfungsi**

Keguguran rambut bercorak lelaki ialah keadaan biasa yang dianggap disebabkan oleh gabungan faktor genetik dan hormon tertentu, dihidrotestosteron (DHT). Kulit kepala yang botak mengandungi peningkatan jumlah DHT dalam keguguran rambut bercorak lelaki. Hormon ini dianggap menyumbang kepada pengurangan tempoh masa pertumbuhan rambut dan penipisan rambut. Apabila folikel rambut menjadi lebih kecil (mini), kebotakan nampak jelas. Finjuve merendahkan paras DHT dalam kulit kepala. Keadaan ini membalikkan proses botak, yang menyebabkan pertumbuhan rambut yang meningkat dan pencegahan keguguran rambut lanjutan.

**Sebelum menggunakan FINJUVE**

*- Bila tidak boleh menggunakan*

- Jika anda alah kepada *finasteride* atau sebarang bahan lain daripada ubat ini.
- Jika anda wanita dan sedang atau mungkin hamil.

*- Sebelum mula menggunakannya*

Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Finjuve.

*Kemungkinan pindahan Finjuve*

Ubat ini boleh menyebabkan bayi lelaki dilahirkan dengan kelainan pada organ seks jika bahan aktif *finasteride* diserap melalui kulit wanita hamil. Elakkan sebarang sentuhan antara kawasan yang dirawat dengan wanita yang sedang atau mungkin hamil. Anda juga harus maklumkannya untuk elak menyentuh permukaan yang terdedah kepada Finjuve. Jika terkena Finjuve, wanita berkenaan perlu membasuh bahagian badan yang terjejas dengan cepat dan sehingga bersih.

Kanak-kanak dan remaja tak boleh terkena Finjuve. Jika terkena Finjuve, kanak-kanak atau remaja berkenaan perlu membasuh bahagian badan yang terjejas dengan cepat dan sehingga bersih.

*Kesan ke atas Antigen Khusus Prostat (PSA)*

Jika anda menjalani ujian darah antigen khusus prostat (PSA) untuk saringan kanser prostat, maklumkan doktor anda bahawa anda menggunakan Finjuve kerana ia boleh menjejaskan tafsiran keputusan.

*Kesan ke atas dihidrotestosteron hormon lelaki (DHT)*

Finjuve mengurangkan kepekatan DHT hormon lelaki dalam darah dan malah biasanya di bawah nilai biasa. Namun begitu, hal ini kurang kerap berlaku dan juga penurunannya lebih rendah berbanding tablet *finasteride*. Kesan sampingan bersifat seksual yang diketahui untuk tablet *finasteride* juga mungkin berlaku dengan Finjuve tetapi kurang berkemungkinan (lihat bahagian 4). Oleh itu, patuhi dos yang telah ditetapkan oleh doktor untuk anda.

*Kanser payudara*

Walaupun kanser payudara tak berlaku pada lelaki yang dirawat dengan Finjuve dalam kajian klinikal, ia telah dilaporkan semasa rawatan dengan tablet finasteride. Jika anda mengalami sebarang perubahan pada tisu payudara anda seperti ketulan, sakit, pembesaran atau lelehan puting, hubungi doktor anda secepat mungkin.

*Perubahan mood dan kemurungan*

Walaupun perubahan mood tak diperhatikan pada pesakit yang dirawat dengan Finjuve dalam kajian klinikal, ia telah dilaporkan semasa rawatan dengan tablet *finasteride*. Jika anda mengalami gejala-gejala seperti mood tak baik, kemurungan atau perasaan hendak bunuh diri, segera rujuk doktor anda.

*Kanak-kanak dan remaja*

Finjuve tak boleh digunakan oleh kanak-kanak atau remaja. Tiada data menunjukkan keberkesanan atau keselamatan *finasteride* bagi kanak-kanak berumur bawah 18 tahun.

*Kehamilan*

Finjuve tak boleh digunakan oleh wanita. Wanita yang sedang atau mungkin hamil mesti mengelakkan daripada terkena kulit kepala yang dirawat atau permukaan yang terdedah kepada Finjuve. Lihat bahagian "Kemungkinan pindahan Finjuve" di atas. Jika sentuhan langsung dengan ubat ini berlaku, wanita tersebut hendaklah mencuci bahagian badan yang terjejas dengan cepat dan sehingga bersih serta rujuk doktor.

*Memandu dan menggunakan jentera*

Finjuve tiada pengaruh ke atas keupayaan memandu dan menggunakan jentera.

*Finjuve mengandungi etanol*

Ubat ini mengandungi 25 mg etanol (96 %) dalam setiap semburan yang bersamaan dengan 0.5 mg/mikroliter (55 %). Ia boleh sebabkan rasa terbakar pada kulit yang rosak.

*- Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang ambil, atau baru-baru in ambil, atau mungkin ambil apa-apa ubat lain.

Jangan guna Finjuve jika anda menggunakan produk topikal lain, seperti kosmetik, pelindung matahari atau ubat lain, di kawasan yang sama.


**Cara menggunakan FINJUVE**

*- Berapa banyak harus diambil*


Bergantung pada setakat mana kulit kepala anda yang botak, doktor anda akan menetapkan antara 1 dan 4 semburan setiap hari untuk digunakan di kawasan yang berasingan. Jangan guna lebih daripada 4 semburan sehari. Finjuve adalah untuk kegunaan kulit. Ia akan digunakan pada kulit kepala sahaja.

Pastikan rambut dan kulit kepala betul-betul kering sebelum penggunaan. Sapu Finjuve pada kulit kepala oleh anda sahaja. Jika lebih daripada satu semburan ditetapkan, sapunya ke kawasan yang tidak bertindih. Jangan guna larutan ke kawasan badan selain kulit kepala. Setelah disapu, biarkan Finjuve di tempatnya selama sekurang-kurangnya 6 jam.

Komponen dan pemasangan aplikator semburan



Pemasangan aplikator semburan



**A. Sejajarkan dan tekan:**
Jajarkan kon dengan butang pam dan tekan dengan kuat ke tempatnya


**B. Pemasangan betul:**
Aplikator semburan dipasang dengan betul bila anda dengar bunyi klik selepas menekan muncung semburan yang terletak di kedudukan tengah kon

# FINJUVE FOR MEN 2.275 MG/ML CUTANEOUS SPRAY, SOLUTION

Finasteride (2.275g/mL)



**C Pemasangan betul**
dan bahagian bawah butang pam dibarisi bahagian bawah kon tanpa sebarang jurang




**D Salah,jurang.**
Jajarkan semula dan tekan semula. Jika anda tidak dengar bunyi klik semasa pemasangan atau anda dapat lihat jurang di antara bahagian bawah butang pam dan kon, jajarkan semula komponen dan tekan pada tempatnya semula.

Penyebuan pam

- Selepas pemasangan aplikator semburan, pam hendaklah dirangsangkan untuk kegunaan pertama. Jika aplikator semburan tidak digunakan selama 2 minggu atau lebih lama, pam akan memerlukan penyebuan semula. Tidak perlu merangsang semula pada setiap penggunaan.
- Untuk merangsang pam buat kali pertama, tekan pam sepenuhnya empat kali dengan ibu jari atau jari telunjuk anda, halakan larutan yang disembur ke dalam sinki. Kemudian bilas sinki dengan air. Untuk merangsang semula pam selepas tidak digunakan selama 2 minggu atau lebih lama, tekan sepenuhnya pam sekali sahaja.
- Jangan sembur Finjuve ke arah muka anda.
- Jika larutan dilepaskan semasa pemasangan atau penyebuan, bersihkan permukaan di mana ia mungkin telah termendap.

Penyebuan




Jangan sembur ke arah muka



Penggunaan dos

- Botol tidak perlu digoncang sebelum penggunaan.
- Pegang aplikator semburan dengan kon rata pada kulit kepala untuk mengelakkan penyerakan larutan di udara.
- Tekan pam sepenuhnya sekali untuk satu semburan.
- Alihkan kon ke kawasan kulit kepala yang lain untuk menggunakan sebarang dos selanjutnya mengikut bilangan semburan yang ditetapkan oleh doktor anda. Jangan tindih dan rawat kawasan yang telah disembur.
- Selepas digunakan, jangan keluarkan kon dari pam. Masukkan semula aplikator semburan ke dalam kotak.
- Setelah digunakan, jangan basuh Finjuve selama sekurang-kurangnya 6 jam.

Kon rata pada kulit kepala



Alihkan kon ke kawasan seterusnya yang tidak bertindih



Pastikan Finjuve tidak terkena tangan atau mana-mana bahagian badan yang lain. Basuh dengan segera dan sehingga bersih mana-mana bahagian badan yang terdedah selain daripada kulit kepala anda. Jika kon menjadi kotor, lapnya dengan tisu kering bersih. Buang tisu yang digunakan dengan selamat dan basuh tangan anda sehingga bersih.

*- Bila perlu digunakan*

1-4 kali sehari mengikut arahan doktor anda.

*- Berapa lama perlu digunakan*

Botol Finjuve mengandungi sehingga 180 semburan. Bilangan hari rawatan bergantung pada dos yang ditetapkan, 1 hingga 4 semburan sehari.
Pada hari anda memulakan rawatan dengan Finjuve, buat catatan dalam kalendar and bagi dos yang ditetapkan (1 hingga 4 semburan) dan kira waktu botol baharu diperlukan. Hubungi doktor anda sebelum bekalan anda kehabisan supaya rawatan anda tidak terhenti. Jangan guna botol Finjuve melebihi 180 semburan, kerana sebarang baki larutan di dalam botol tidak akan memberikan dos penuh, yang boleh membataskan kesan rawatan anda.

| Sprays per day | Days of treatment |
|---|---|
| 1 | 180 |
| 2 | 90 |
| 3 | 60 |
| 4 | 45 |

*- Jika anda terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa menggunakan Finjuve, jangan menggandakan dos untuk menggantikan penggunaan yang terlepas. Teruskan penggunaan mengikut dos yang disarankan oleh doktor anda.

*- Jika mengguna berlebihan (dos berlebihan)*

Jika anda menggunakan Finjuve lebih daripada yang disarankan, berbincanglah dengan doktor anda. Finjuve tidak akan berfungsi dengan lebih cepat atau lebih baik jika anda menggunakannya lebih daripada sekali sehari, tetapi mungkin lebih berkemungkinan mengalami kesan-kesan sampingan.

**Semasa menggunakan FINJUVE**

*- Perkara yang perlu dilakukan*

Rawatan dengan Fijuve mungkin mengambil masa 3 bulan untuk membuahkan hasil. Penting untuk terus menggunakan Finjuve selama mana yang diarahkan oleh doktor anda. Jika anda berhenti menggunakan Finjuve, anda berkemungkinan kehilangan rambut yang sudah tumbuh.

*- Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan guna melebihi 4 semburan dalam sehari.

*- Perkara yang perlu diberi perhatian*

Finjuve boleh dipindahkan melalui sentuhan dengan kain, tangan atau permukaan dan objek lain. Elakkan sentuhan di antara kulit kepala yang dirawat dan bantal, topi keledar, topi dll. sehingga larutan telah kering. Finjuve boleh berpindah dari badan anda kepada orang lain jika ia menyentuh kulit kepala anda yang dirawat atau permukaan lain yang terdedah. Jika terkena Finjuve, individu tersebebut hendaklah segera membasuh bahagian badan yang terjejas dan sehingga bersih. Maklumkan langkah-langkah berjaga sentuhan kepada ahli keluarga atau orang lain yang mempunyai akses ke lokasi penyimpanan.

**Kesan-kesan sampingan**

Ubat ini boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan seperti ubat-ubat lain, walaupun bukan semua orang mengalaminya.
Biasa (sehingga 1 dalam 10 orang)
- Kegatalan atau kemerahan pada kulit kepala
Sangat biasa (> 1 dalam 10 orang)
- Penurunan hormon lelaki (dihidrotestosteron) dalam darah
Sila rujuk sisipan bungkusan untuk mengetahui kesan-kesan sampingan lain. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat secara terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan FINJUVE**

*- Penyimpanan*

Simpan ubat ini jauh daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak. Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan label botol selepas perkataan EXP. Jangan simpan pada suhu melebihi 30ºC. Finjuve mengandungi alkohol dan oleh itu ia mudah terbakar. Elakkan menyembur ubat berhampiran nyalaan terbuka atau semasa merokok. Jangan guna Finjuve melebihi 6 bulan selepas selepas mula-mula membuka botol.

# FINJUVE FOR MEN 2.275 MG/ML CUTANEOUS SPRAY, SOLUTION

Finasteride (2.275g/mL)

*- Pelupusan*
Jangan buang mana-mana ubat melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan.

**Maklumat Lanjut**
*- Rupa dan warna produk*
Setiap semburan menyampaikan 50 mikroliter, yang mengandungi 114 mikrogram *finasteride*. Finjuve ialah larutan yang tidak berwarna, jernih dan sedikit likat.

*- Bahan-bahan kandungan*
*- Bahan aktif*
2.275 mg *finasteride* bagi setiap ml
*- Bahan tidak aktif*
etanol (96 peratus), air tulen, propilena glikol, hidroksipropil kitosan

*-Nombor MAL*
MAL25046013AZ

**Pengilang**
Almirall Hermal GmbH
Scholtzstraβe 1 and 3
21465 Reinbek
Germany

**Pemegang Pendaftaran Produk**
A. Menarini Singapore Pte Ltd
B-18-2, Level 18, The Ascent Paradigm,
No 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya, 47301
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**
15/04/2026

**Nombor Siri**
NPRA (R1) 24/040